

BULETIN MPD



APRIL-OGOS 2015



TREK

BMX

DUNGEON

BAKAL BERTARAF ANTARABANGSA

II



"Kita melihat itulah sedia ada ini aman sesuai untuk dinaih dan sebagai litar bertaraf dunia dalam melahirkan lebih ramai atlet lumba basikal tasak untuk bertanding di peringkat antarabangsa."

13



Tanda Yang D'Perlusi

RAMADAN baru-baru ini, saya sempat singgah di sebuah surau mengerjakan solat asar. Selepas mengerjakan solat, saya terpandang seorang warga emas yang duduk di suatu sudut sedang membaca Al Quran sebelum saya menghulurkan tangan bersalam dengannya.

Warga emas berusia lebih 70 tahun itu kelihatan agak kaget apabila saya menghulurkan tangan seraya bertanyakan saya dari mana dan hendak ke mana.

Selepas menjelaskan segalanya, warga emas itu meletakkan Al Quran diribanya seraya beberapa kali mengangguk faham. Saya lontarkan perasaan kagum kepada dia yang masih dapat membaca Al Quran tanpa bercermin mata dan beliau menjawab dengan senyuman itu semua kurniahan Allah.

Kami banyak membicarakan soal kebesaran bulan Ramadan dan warga emas terhabit sempat memberi pesan supaya menjadikan waktu terluang di bulan Ramadan diisi dengan aktiviti berfaedah seperti membaca Al Quran, melakukan solat sunat terawih serta kiamulai pada sepetiga malam.

"Mujahadah yang tinggi perlu untuk melakukan semua itu, kita tidak perlu disuruh untuk melakukan semua amalan itu dan hanya keikhlasan yang perlu andal kita mempunyai matlamat untuk berjaya di akhirat tanpa mengabaikan tuntutan dunia.

Amalan sunat yang disarannya itu perlu dijadikan sebagai paksi ketika bekerja dan seseorang pekerja itu lebih dimuliakan jika dia menghasilkan korja tanpa perlu disuruh, sedia menerima arahan, berdisiplin, tepat pada masanya serta melakukan kerja tambahan di luar waktu bekerja.

Penoreh getah dari Kampung Merchang itu turut mengingatkan saya bahawa setiap individu itu mampu pergi jauh dan mereka yang berkira tidak produktif, suka mengeluh dan tidak berdisiplin. "Pekerja yang jujur akan melakukan kerja-kerja yang dilamanahkan dengan telus meskipun ketika ketidakmampuannya dan melaksanakan tanggungjawabnya tanpa perlu dipantau setiap masa," katanya.

Bellau juga mengeluh dari kesal perihal penyebaran berita palsu, mengumpat, mengadu domba dan sebagainya tetamanya melalui aplikasi canggih ketika ini seperti WhatsApp, Facebook dan sebagainya.

Warga emas terhabit yang mengenali dirinya sebagai Ayah Su, sama sekali menegaskan perbuatan itu berdosa dan perlu dijauhi.

Tambahnya, bukan itu saja, perbuatan mengumpat, berhadad dengan sesama manusia turut tidak terkecuali.

"Apabila sesuatu berita fitnah itu sampai kepada kita dan kita pula menyebarkan kepada individu yang lain dan seterusnya berlanjutan, maka kita akan mendapat dosa yang berlipat kali ganda," katanya.

Hampir setengah jam berbual, saya sangat kagum dengannya yang bekerja sebagai penoreh getah, walaupun tidak mempunyai pendidikan yang tinggi bellau sememangnya seorang yang berpengetahuan tinggi.

Perbualan kami itu dapatlah saya rumuskan bahawa berpuasa dengan menahan lapar dan melakukan perkara-perkara yang dimulakan menjadi landasan untuk mengukur tahap kejujuran setiap individu.

Sempena Ramadan dan Syawal yang mulia ini, mari lah kita hindarkan budaya membunuh kasih sayang sesama kita sebaliknya kita membina semula ukhuwah daripada bemosuhan.

Allah mendidik kita supaya menjadi hamba yang bertaqwa dan tinggi dengan nilai kerohaniannya dan maitah kita sama-sama mentorjemahkannya dengan melakukan kerja yang berkualiti dalam semua aspek.

.Dari Meja
Pengarang



LEBIH 50 telah menjadi korban dalam kemalangan di Lebuh Raya Pantai Timur (LPT2) sejak dua tahun dibuka. Sepanjang Mei sahaja sembilan maut iaitu lima di Hulu Terengganu, dua di Dungun serta dua di Kemaman.

Oleh : Zubir Mamat

PERSATUAN Lumba Basikal Negeri Terengganu (PLBNT) bercadang menaik taraf litar basikal BMX yang diselenggara Majlis Perbandaran Dungun menjadi litar bertaraf dunia bagi menganjurkan kejohanan sukan berbasikal lasak itu ke peringkat antarabangsa.

Timbalan Setiausaha Kerajaan Pembangunan/Pengarah Unit Perancang Ekonomi negeri, Zainal Abidin Hussin berkata, litar yang terletak di Sura Hujung Dungun sebelum ini menjadi litar motosikal lasak dan telah dinilai taraf dengan peruntukan sebanyak RM100,000 yang dibiayai kerajaan negeri Terengganu.

"Kita melihat litar sedia ada ini amat sesuai untuk dinaiktaraf menjadi sebuah litar bertaraf dunia dalam melahirkan lebih ramai atlet lumba basikal lasak untuk bertanding di peringkat antarabangsa," katanya ketika ditemui pada majlis perasmian Kejohanan Basikal BMX Kebangsaan 2015 di situ yang dirasmikan Timbalan Presiden Persatuan Lumba Basikal Malaysia, Datuk Naim Mohamad.

Sebanyak 20 pasukan dalam dan luar negara turut mengambil bahagian dan sedap pemenang dalam kejohanan kali ini untuk membolehkan mereka berada di dalam semula jangka dunia. "Datuk Zainal Abidin juga merupakan Yang Berhormat Menteri Besar Terengganu yang merasmikan litar basikal BMX yang panjangnya kira-kira 350 meter dan peringkat dunia di sini ini di bawah bantuan Majlis Perbandaran Dungun serta maklumat spesifikasi Persatuan Basikal Dunia (UCI) yang diminta untuk mendekati ahli profesional serta di pengisian.

"Pada masa ini kita masih jadi dalam perancangan pembangunan litar untuk menggalakannya sebagai sukan profesional untuk diangkat kejohanan yang lebih besar.

"Kami masih lagi dalam perbincangan dengan beberapa tenaga pakar sukan berbasikal BMX di negara ini dalam proses menaiktaraf untuk membolehkan negeri ini menganjurkan kejohanan di peringkat dunia" katanya.

Katanya, selain di Dungun, dua buah litar basikal lasak turut dibina di Selangor dan Melaka namun kesemua litar turabit hanya layak untuk menganjurkan pertandingan di peringkat rendah sahaja.

Tambahnya, Terengganu mempunyai pelumba basikal yang berlaraf dunia seperti Azizulhasni Awang dan Anuar Manan dan mempunyai ramai lagi bakat baru dalam sukan berbasikal.

"Ini adalah sebagai persiapan kita untuk melahirkan atlet dalam sukan lasak ini kerana ianya sudahpun dipertandingkan di Sukan Sea dan juga Olimpik.

Kita hendak ada wakil dari negara ini menaiki podium di Sukan Olimpik satu hari nanti. Pasal itu PLBNT dan Majlis Sukan Negeri (MSN) akan segera mengenalpasti tapak sesuai untuk dibina litar seumpamanya di setiap daerah dalam usaha mencungkil bakat anak muda menceburi sukan ini" katanya.

Beliau berterima kasih kepada semua kakitangan MPD yang banyak membantu dan





TAHNIAH PBT TERENGGANU

Oleh : Nora Othman

"HANYA ucapan tahniah yang mampu saya berikan.Terima kasih kepada kakitangan MPD yang turut berusaha menjayakan kemenangan ini.

Biarpun kita memperolehi tempat ketiga, namun kalian semua telah mengharumkan nama Kerajaan Negeri Terengganu,"kata Yang Dipertua Majlis Perbadaran Dungun, A Rahman Che Ali sebaik Terengganu diumumkan sebagai pemenang tempat ketiga Festival Floria Diraja Putrajaya 2015.

Yang Dipertua berkata, dia sangat terkejut dan sama sekali tidak menyangka apabila Terengganu diumumkan pemenang tempat ketiga festival berprestij itu.

Katanya, festival bertemakan bunga lili itu dirasmikan oleh Raja Permaisuri Agung, Tuanku Hajah Haminah dengan turut dihadiri Presiden Perbandaran Putrajaya, Tan Sri Aceh Che Mat.

Beliau berkata, Karnival yang mempamerkan ratusan spesis bunga itu dibuat di atas tapak seluas 11.2 hektar dengan mempamerkan 500,000 kuntum bunga dalam suasana taman yang direka khas untuk tatapan pengunjung.

SIDANG PENGARANG

Penasihat
A RAHMAN CHE ALI

Ketua Pengarang
MOHD ISKANDAR
MOHAMAD AZIZ

Penolong Ketua
PENGARANG
MOHD ADZHAR
MOHD ZAHARI

Pengarang
ZUBIR MAMAT

Warlawan

"Saya sangat tertarik selama berada di sini, kerana terdapat beberapa tarikan baru seperti taman musim sejuk yang dibawakan untuk kepuasan peminat bunga.

Festival ini menjadi satu daya tarikan kepada pengunjung dalam dan luar negara dan ianya menjadi satu kalender kerajaan dalam usaha menarik pelancong ke Malaysia.

Saya bangga dan mengucapkan tahniah kerana orang kuat yang berada di belakang kejayaan itu sebahagiannya adalah daripada kakitangan MPD" katanya.

